

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Rabu, 7 Disember 2022	
1	Import telur atasi isu kurang bekalan
2	-Import telur pastikan bekalan mencukupi -Pengguna sukar beli telur papan di Teluk Intan -Peniaga roti canai terpaksa guna 'telur kayangan'
3	Malaysia to import chicken eggs for now
4	-Import telur, kupon beli minyak paket -Import telur tangani isu bekalan -Pendekatan holistik kawal harga barang
5	CAP gesa atasi isu bekalan telur
6	Bukan umum harga telur
7	Tangani segera idu bekalan telur

DISEDIAKAN OLEH :
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**



PELANGGAN memilih telur ayam yang dihadkan dua papan bagi setiap keluarga ketika tinjauan di sebuah pasar raya di Selayang kelmarin. - FARIZ RUSADIO

Kerajaan pastikan sumber selamat, tepati piawaian

Import telur atasi isu kurang bekalan

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

PUTRAJAYA - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan mengenal pasti beberapa sumber dari luar bagi menampung keperluan dengan segera seterusnya memastikan bekalan telur ayam di pasaran terjamin.

Menterinya, Mohamad Sabu berkata, tindakan itu merupakan pelan jangka pendek yang diambil oleh kementeriannya bagi merujuk kepada kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berhubung keterjaminan bekalan telur ayam dalam negara kelmarin.

"Kementerian menyedari keperluan bekalan telur ayam yang merupakan makanan popular dalam kalangan rakyat Malaysia dengan kadar penggunaan sebanyak 968 juta biji sebulan.

"Sehubungan itu, sebagai pelan jangka pendek, kementerian mengenal pasti beberapa sumber dari luar untuk menampung keperluan bekalan dengan kadar segera bagi memastikan keterjaminan telur ayam di pasaran," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Menurut Mohamad, pihaknya juga akan memastikan telur ayam yang diimport adalah selamat daripada sebarang penyakit selain menepati piawaian dan



KERATAN Kosmo! 30 November 2021.

mematuhi protokol serta tatacara ditetapkan.

Jelas beliau, inisiatif membawa masuk telur ayam bukan untuk menekan pengusaha industri telur ayam tempatan, sebaliknya untuk memastikan bekalan tidak terputus dan untuk menjaga kebajikan rakyat.

"Keperluan membawa masuk telur ayam dari sumber luar juga akan dikaji semula setelah bekalan telur ayam kembali stabil," kata beliau.

Pada masa sama, Mohamad turut meminta Ketua Setiausaha kementeriannya untuk melihat impak atau kesan mengimport telur ayam dari sumber luar kepada industri telur ayam tempa-

tan sedia ada.

"Agrobank juga diminta untuk mengemukakan cadangan bagi membantu pembekal dan pengusaha kecil supaya mereka kekal berdaya saing dalam industri ini.

"Kementerian sentiasa berusaha dengan pelbagai pendekatan bagi menjamin bekalan telur ayam negara kembali stabil dengan harga yang kompetitif," katanya.

Tambah beliau, pihaknya yakin isu kekurangan bekalan telur ayam dapat diselesaikan dalam masa terdekat dengan kerjasama pelbagai pihak.

Kosmo! sebelum ini melaporkan mengenai kebimbangan para peniaga dan pengguna berhubung masalah bekalan telur ayam yang akan berterusan sehingga menjelang musim perayaan Aidilfitri pada tahun depan.

Bekalan telur khususnya gred A masih menjadi isu di seluruh negara dan memberi kesan termasuk kepada peniaga makanan.

Persatuan Pengguna Pulau Pinang sebelum ini mendedahkan tindakan peladang yang terdesak menjual ayam penelur menjadi punca bekalan sumber makanan itu berkurangan di pasaran selain kos operasi yang tinggi, tetapi pulangan diterima pula adalah rendah.

Import telur pastikan bekalan mencukupi

PUTRAJAYA: Kerajaan mengenal pasti beberapa sumber dari luar sebagai menampung keperluan bekalan dalam negara dengan kadar segera bagi memastikan keterjaminan telur ayam di pasaran.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu berkata, langkah itu merupakan pelan jangka pendek dan pada masa sama pihak kementerian akan memastikan telur ayam yang diterima selamat daripada penyakit dan menepati piawaian ditetapkan.

Katanya, segala protokol dan tatacara yang ditetapkan kerajaan perlu dipatuhi tanpa kompromi.

“Inisiatif membawa masuk telur ayam dari sumber luar bukan untuk menekan pengusaha industri telur ayam tempatan, sebaliknya bagi memastikan bekalan telur ayam dalam negara tidak terputus dan kebajikan rakyat terjaga.

“Keperluan membawa masuk telur ayam dari sumber luar juga akan dikaji semula setelah

bekalan telur ayam kembali stabil,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Keputusan itu dibuat selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam mengarahkan kementerian berkenaan menyelesaikan isu keberadaan telur di pasaran selain memastikan harga barang keperluan itu adalah rendah.

Keperluan bekalan telur ayam yang merupakan makanan seharian berprotein popular dalam kalangan rakyat Malaysia dengan kadar penggunaan purata telur ayam sebanyak 968 juta biji sebulan.

Mohamad berkata, beliau turut meminta Ketua Setiausaha Kementerian untuk melihat impak mengimport telur ayam dari sumber luar kepada industri telur ayam tempatan sedia ada.

Katanya, ini termasuk Agrobank untuk mengemukakan cadangan bagi membantu pembekal dan pengusaha kecil supaya mereka kekal berdaya saing dalam industri ini.

Pengguna sukar beli telur papan di Teluk Intan

TELUK INTAN: Peniaga kedai runcit mendakwa bekalan telur papan yang mereka terima hanya cukup untuk keperluan pembeli biasa bukan untuk keperluan peniaga makanan.

Ekoran ketiadaan stok itu pembeli terpaksa beralih kepada telur yang lebih mahal iaitu telur Omega berbanding telur biasa.

Pengurus pasar segar Mat Frozen di sini, Ahmad Shah Daud berkata, peniaga kini menerima bekalan telur papan hanya sekali seminggu berbanding setiap hari sebelum ini.

Katanya, kira-kira 1,200 sehingga 1,500 papan telur diperlukan dalam masa satu minggu namun mereka hanya mendapat 600 papan seminggu.

“Saya pun tidak pasti apa punca bekalan telur papan kurang dihantar ke kedai-kedai di sini, sebab itu sebaik sahaja

bekalan sampai, telur papan akan cepat habis.

“Ini memberi masalah kepada peniaga makanan seperti yang pembuat roti canai, katering, untuk kenduri majlis perkahwinan dan kantin sekolah.

“Kadangkala saya terpaksa menolak tempahan mereka bimbang bekalan telur yang saya terima tidak cukup, itu tidak termasuk jualan kepada pelanggan biasa kerana tidak tahu bila bekalan telur akan sampai.

“Untuk jualan telur papan, saya tetapkan siapa cepat dia dapat dan ini dapat memuaskan hati semua pelanggan,” katanya di sini semalam.

Mengenai harga telur, Ahmad Shah berkata, harga bekalan mentah itu tidak mencatat penurunan ketara walaupun kerajaan mengumumkan akan menetapkan harga baharu telur.

Peniaga roti canai terpaksa guna 'telur kayangan'

Oleh JAMLIH ABDULLAH
utusannews@mediamula.com.my

ALOR SETAR: Peniaga roti canai di bandar raya ini mengeluh apabila terpaksa menaikkan harga roti telur di kedai mereka ekoran krisis bekalan telur ketika ini.

Menurut peniaga terbabit, Mohd. Nazri Amir Khan, 29, dia terpaksa menggunakan 'telur kayangan' yang berharga RM1 sebiji berbanding 56 sen untuk memenuhi permintaan pelanggan.

"Bukan senang nak dapatkan bekalan telur sekarang. Sedangkan kami memerlukan sehingga 200 biji telur sehari untuk menyediakan roti canai yang menggunakan telur."

"Kadang-kadang saya terpaksa mencari telur sehingga ke Pendang. Pernah satu ketika telur kehabisan jadi terpaksa guna telur kayangan atau telur Omega. Akibatnya harga roti telur ini terpaksa dinaikkan kerana kosnya meningkat," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Menurutnya, masalah bekalan

**“
Roti telur sekarang
terpaksa dinaikkan
kepada RM3
kerana kenaikan
dan kekurangan
telur ini.”**

MOHD. NAZRI AMIR KHAN

telur itu berlaku sejak Ogos lepas sebelum berterusan meruncing sehingga ke hari ini.

"Roti telur sekarang terpaksa dinaikkan kepada RM3 kerana kenaikan dan kekurangan telur ini. Banyak pelanggan yang tak faham marah tetapi kami tidak ada pilihan."

"Insya-Allah, jika masalah telur pulih kami akan menurunkan harga roti canai itu seperti biasa," katanya.

Mohd. Nazri juga memberitahu

sejak empat tahun berniaga roti canai, krisis bekalan dan harga telur yang dihadapi kali ini adalah terburuk.

"Pada bulan lepas saya terpaksa menutup kedai dua hari sebab telur tak ada langsung," katanya.

Dalam pada itu, Presiden Persatuan Pengguna Kedah (Capek), Mohamad Yusrizal Yusoff berharap, kerajaan dapat menyelesaikan isu bekalan itu secepat mungkin yang dilihat menjejaskan perbelanjaan pengguna.

"Saya mendapat rungutan daripada peniaga yang terpaksa menaikkan harga makanan mereka yang berasaskan telur kerana masalah bekalan ini. Mereka terpaksa bertungkus lumus untuk mendapat telur yang kini bagi Gred B dijual pada harga 56 sen berbanding 43 sen."

"Ada juga terpaksa guna telur premium atau kayangan yang berharga RM1 sebiji apabila terputus bekalan. Kerajaan perlu memberi jaminan selain harganya semakin turun bekalan juga tidak akan terputus," katanya.



MOHD. Nazri Amir Khan menunjukkan roti telur dan roti sarang burung yang terpaksa dinaikkan harga kerana masalah bekalan telur di premis perniagaannya di Alor Setar. - UTUSAN/JAMLIH ABDULLAH

Malaysia to import chicken eggs for now

PETALING JAYA: Malaysia will temporarily import chicken eggs as a stopgap measure to address the country's egg supply shortage until a long-term solution is decided, says Agriculture and Food Security Minister Mohamad Sabu.

The short-term solution was vital to ensure the food security of Malaysians who consumed around 968 million chicken eggs monthly, he said in a Facebook post yesterday.

He added that several foreign sources had been identified and ensured that all imported egg sources would adhere to established safety standards.

He also assured local egg producers that the initiative was not designed to pressure them through competition but to prevent disruptions to the domestic egg supply.

He said the foreign imports would be reviewed once the domestic supply had stabilised.

He added that the ministry's secretary-general had been tasked with monitoring the impact of importing eggs from foreign sources on local markets and that Agrobank had been asked to advise local suppliers and entrepreneurs on how to remain competitive.



Import telur, kupon beli minyak paket

Menyedari isu bekalan telur dan harga minyak masak bebani rakyat, kerajaan mengambil inisiatif jangka pendek mengimport selain bercadang perkenal sistem kupon kepada B40 dan peniaga PKS untuk membeli minyak masak paket bersubsidi 1kg.

- Kementerian menyedari telur adalah makanan seharian berprotein popular dalam kalangan rakyat Malaysia dengan kadar penggunaan purata 968 juta biji sebulan
- Hasil libat urus dengan pemain industri, syarikat dan wakil persatuan pengilang bersetuju kekalkan 60,000 tan minyak masak setiap bulan untuk dijual secara paket

Import telur tangani isu bekalan di pasaran

Langkah jangka pendek, kajian semula selepas bahan asas kembali stabil

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dalam usaha menampung keperluan pasaran tempatan pada harga yang lebih rendah, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan akan mengimport bekalan telur daripada beberapa negara sumber yang sudah dikenal pasti dengan segera.

Menterinya, Mohamad Sabu, berkata itu antara langkah jangka pendek yang diambil kementerian, selain akan memastikan telur ayam diterima itu selamat daripada penyakit dan menepati piawaian ditetapkan.

"Inisiatif membawa masuk telur ayam dari sumber luar, bukan untuk menekan pengusaha industri tempatan, sebaliknya bagi

memastikan bekalan dalam negara tidak terputus dan kebajikan rakyat terjaga.

"Keperluan membawa masuk telur ayam dari sumber luar juga akan dikaji semula selepas bekalan tempatan kembali stabil. Segala protokol dan tatacara yang ditetapkan kerajaan perlu dipatuhi tanpa kompromi," katanya menerusi kenyataan media, semalam.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dalam sidang media selepas mesyuarat pertama Kabinet, memaklumkan pihaknya sudah berbincang dengan Mohamad yang akan mengumumkan harga telur ayam yang lebih rendah, semalam.

Anwar berkata, langkah terbabit diharapkan dapat mengurangkan kebergantungan kepada kartel.

Bagaimanapun, dalam kenyataan dikeluarkan Mohamad semalam, langsung tidak menyebut mengenai harga telur ayam yang dijanjikan lebih rendah itu.

Dalam pada itu, Mohamad berkata, Ketua Setiausaha kementerian juga sudah diarah menilai kesan import terhadap industri telur ayam tempatan dan Agrobank akan mengemukakan cadangan bagi membantu pembekal dan pengusaha kecil supaya mereka kekal berdaya saing dalam industri ini.

Pelbagai pendekatan

"Kementerian sentiasa berusaha dengan pelbagai pendekatan bagi menjamin bekalan telur ayam negara kembali stabil dengan harga yang kompetitif. Kementerian yakin isu kekurangan bekalan telur ayam dapat diselesaikan dalam masa terdekat dengan kerjasama pelbagai pihak," katanya.

Mengulas mengenai penggunaan telur ayam dalam pasaran tempatan, Mohamad berkata, telur ayam adalah makanan harian berprotein yang popular dalam kalangan rakyat Malaysia dengan kadar purata penggunaan 968 juta biji telur ayam sebulan.

Sejak bulan lalu, media melaporkan negara berdepan kekurangan bekalan telur ayam. Pada 6 November lalu, Pengerusi Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi ketika itu, Tan Sri Annuar Musa menyifatkan isu itu berpunca daripada kegiatan penyeludupan ke negara jiran, iaitu Thailand.

Annuar berkata, kegiatan itu berlaku berikutan harga telur ayam dijual di Thailand itu lebih mahal berbanding di negara ini.

Katanya, pada ketika itu bekalan telur ayam mengalami kekurangan lebih 100,000 biji sebulan.

Pada masa sama, ada laporan mendakwa pengeluar bertaraf gergasi dalam industri telur ayam terbabit dengan kartel, walaupun kerajaan menaikkan subsidi kepada pengeluar daripada tiga kepada lapan sen sebiji berkuat kuasa Oktober lalu.

Bagaimanapun, pada 29 November lalu, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Azman Mohd Yusof, menyifatkan dakwaan wujud kartel menyorok bekalan telur ayam sebelum dan selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) sebagai tidak berasas.



Mohamad Sabu

Pendekatan holistik kawal harga barang

Kuala Lumpur: Kerajaan mesti mengguna pendekatan lebih holistik untuk mengawal harga barangan pengguna, termasuk menyelesaikan isu rantai bekalan dan monopoli yang dikenal pasti punca utama masalah itu.

Pensyarah Kanan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Muhammad Daaniyal Abd Rahman, berkata pendekatan holistik yang dimaksudkan bukan hanya memberi tekanan kepada peniaga untuk turunkan harga, tetapi perlu lihat kepada ekosistem atau rantai bekalan yang terbabit dalam penyediaan barangan berkenaan.

Katanya, sebagai contoh, harga ayam yang menjadi isu sejak awal tahun ini adalah berpunca kepada ekosistem pembekalan ternakan itu sendiri.

Beliau menjelaskan, seandainya pengeluaran berdepan masalah untuk mendapatkan sumber makanan ayam, mereka pada akhirnya terpaksa menaikkan harga ternakan itu.

"Justeru, yang penting adalah melihat kepada ekosistem pembekalan bagi setiap barangan yang dibekalkan dalam negara



termasuk sayur-sayuran, ikan dan sebagainya, kerana saya percaya lebih banyak isu tertumpu kepada sektor pengeluaran barangan makanan.

"Mungkin kita ada masalah dari segi rantai bekalan, terutama input yang diguna untuk menghasilkan barangan itu sendiri yang memerlukan campuran tangan daripada pihak kerajaan," katanya kepada BH.

Beliau mengulas keputusan kerajaan mahu menghentikan monopoli import beras seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet pertama Kerajaan Perpaduan di Putrajaya pada Isnin.

Persaingan sikit

Mengulas lanjut, Daaniyal berkata, beliau tidak menolak ke-

ungkinan wujudnya monopoli dan mungkin kartel terhadap produk pengguna dalam pasaran.

Justeru, beliau melihat kepentingan tekanan agensi pelaksana yang melihat kepada isu berkenaan bagi memastikan wujudnya persaingan yang baik dalam proses pembekalan barang makanan.

"Apabila wujudnya persaingan yang sihat antara pembekal barang makanan, saya percaya, mereka boleh menawarkan harga lebih kompetitif di pasaran.

"Jika wujudnya kartel, mereka boleh berpakat untuk menentukan harga di pasaran, sebaliknya jika ada persaingan yang baik, saya percaya harga makanan boleh dikawal oleh kerajaan dengan mekanisme yang lebih terurus.

"Selain itu, satu rundingan perlu dibuat oleh kerajaan dengan pembekal atau persatuan berkaitan supaya boleh mendaami masalah yang mereka hadapi serta memastikan bahawa bukan sahaja kebajikan rakyat terjejas dengan harga barang terkawal, malah kebajikan peniaga yang menyediakan pro-

duk makanan perlu diambil perhatian.

"Maksudnya bukan sahaja mengawal harga di pasaran, tetapi melihat apakah permasalahan yang berlaku pada peringkat pengeluaran barangan berkenaan," katanya.

Kerap pantau harga barang

Sementara itu, Koordinator Program Research For Social Advancement (REFSA), Fakhruddin Rashid, berkata Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) perlu diperkasa bagi mengatasi monopoli dalam rantai bekalan makanan, termasuk syarikat besar.

Katanya, pemantauan harga barang perlu dibuat secara kerap dan bukan semasa isu harga barang naik timbul.

"Selain itu, kerajaan perlu melihat dasar meningkatkan gaji pekerja yang masih rendah, khususnya dalam fasa pemulihan COVID-19.

"Kawal harga barang sekalipun, tetapi rakyat masih mengeluh untuk berbelanja kerana gaji mereka rendah untuk tampung kos sara hidup yang tinggi" katanya.

TARIKH

7.12.2022

MEDIA

BERITA HARIAN

RUANGAN

NASIONAL

MUKA SURAT

5

CAP gesa segera atasi isu bekalan telur

Georgetown: Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) mengesahkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDNKS) dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan menyelesaikan segera masalah kekurangan bekalan telur ayam.

Gesaan itu berikutan dakwaan kebanyakan peniaga runcit dan pasar awam mengalami kesukaran mendapatkan bekalan telur sejak dua bulan lalu.

Presiden CAP, Mohideen Abdul Kader, berkata keadaan itu sekali gus menimbulkan kebimbangan terhadap kekurangan bekalan sumber protein termurah berkenaan pada masa hadapan.

"Tinjauan CAP mendapati telur ayam masih ada di pasar awam dan kedai runcit sekitar Gelugor, Bayan Baru, Jelutong dan Batu Lanchang.

"Bagaimanapun, peniaga runcit mendakwa sukar bagi mereka mendapat bekalan kerana kuantiti diterima daripada pemborong adalah kurang berbanding peniaga di pasar," katanya menerusi kenyataan di sini, semalam.

Mohideen berkata, selain kekurangan telur ayam, CAP juga mendapati ada peniaga yang menjual telur segar gred rendah seperti Gred A dan B sebagai Te-

lur Premium (gred AA) yang dijual pada harga 66 sen sebiji.

Sebagai rujukan, telur Gred A sudah ditetapkan pada 45 sen sebiji, manakala telur Gred B sebanyak 43 sen.

"Sehubungan itu, CAP mengesahkan KPDNKS menyiasat perkara ini kerana golongan berpendapatan sederhana akan terjejas teruk akibat kenaikan harga barang.



Peniaga runcit mendakwa sukar bagi mereka mendapat bekalan kerana kuantiti diterima daripada pemborong adalah kurang berbanding peniaga di pasar

Mohideen Abdul Kader,
Presiden CAP

"Tindakan segera perlu diambil bagi mengurangkan dan mengawal harga semua barangan," katanya lagi.

Mohideen berkata, Pasukan Petugas Khas Jihad Melawan Inflasi baru-baru ini sudah mengenal pasti kos makanan ayam yang tinggi sebagai punca terhadap kekurangan bekalan telur ayam.

"Jadi, mengapa mereka tidak berunding dengan penternak ayam lebih awal dan mengambil tindakan pembaikan?"

"Sekiranya penternak ayam sudah memberi maklum balas, adakah Pasukan Petugas berkenaan berbincang dengan pengeluar makanan tempatan tentang cara menghasilkan makanan yang lebih murah menggunakan sisa isirong sawit, memandangkan kos makanan adalah isu utama yang menjadi pertikaian?" katanya.

Bukan umum harga telur

Menteri hanya umum langkah import telur bagi menampung bekalan pasaran

Oleh **MOHAMMAD KHAIRIL ASHRAF MOHD KHALID SHAH ALAM**

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah mengenal pasti beberapa sumber dari luar untuk menampung keperluan bekalan telur ayam dalam negara dengan kadar segera untuk pelan jangka pendek.

Menterinya, Mohamad Sabu berkata, inisiatif membawa masuk telur ayam dari sumber luar itu bukan untuk menekan pengusaha industri tempatan sebaliknya bagi memastikan bekalan dalam negara tidak terputus dan kebajikan rakyat terjaga.

"Keperluan membawa masuk telur ayam dari sumber luar juga akan dikaji semula setelah bekalan kembali stabil.

"Saya juga telah meminta ketua setiausaha kementerian untuk melihat impak mengimport dari sumber luar kepada industri telur ayam tempatan sedia ada dan Agrobank untuk mengemukakan cadangan bagi membantu

pembekal serta pengusaha kecil supaya mereka kekal berdaya saing dalam industri ini," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Dalam pada itu, Mohamad menambah, kementerian juga sentiasa berusaha dengan pelbagai pendekatan bagi menjamin bekalan telur ayam negara kembali stabil dengan harga yang kompetitif.

"Kementerian yakin isu kekurangan bekalan telur ayam dapat diselesaikan dalam masa terdekat dengan kerjasama pelbagai pihak," ujarnya.

Ahli Parlimen Kota Raja itu juga



MOHAMAD SABU

memberi jaminan bahawa telur ayam yang diterima dari sumber luar itu selamat daripada penyakit dan menepati piawaian ditetapkan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub sebelum ini mengakui bahawa negara sedang berdepan masalah ketiadaan telur di pasaran.

Katanya, ketiadaan stok mencetuskan keresahan kepada rakyat selain merencatkan pertumbuhan ekonomi kerana banyak kegiatan perniagaan memerlukan bahan mentah itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam sidang akhbar selepas mesyuarat pertama kabinet memaklumkan pihaknya sudah berbincang dan Mohamad akan mengumumkan harga telur ayam yang lebih rendah pada Selasa.

Bagaimanapun, dalam kenyataan yang dikeluarkan Mohamad tidak ada menyebut mengenai harga telur ayam yang dijanjikan lebih rendah itu.

Tangani segera isu bekalan telur


Peniaga runcit dan pasar awam dakwa sukar dapatkan bekalan telur sejak dua bulan lalu

GEORGETOWN

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDNKS) serta Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan menyelesaikan masalah kekurangan bekalan telur ayam segera.

Presidennya, Mohideen Abdul Kader berkata, hasil tinjauan pihaknya mendapati, kebanyakan peniaga runcit dan pasar awam mendakwa sukar untuk mendapatkan bekalan telur sejak dua bulan lalu.

Menurutnya, perkara itu menimbulkan



MOHIDEEN

kebimbangan dalam kalangan pengguna berikutan telur ayam merupakan sumber protein termurah di pasaran.

"Tinjauan CAP mendapati telur ayam masih terdapat di pasar awam dan kedai runcit di sekitar Gelugor, Bayan

Baru, Jelutong dan Batu Lanchang.

"Bagaimanapun, peniaga runcit mendakwa sukar untuk mereka mendapatkan bekalan kerana kuantiti yang diterima daripada pemborong adalah kurang berbanding peniaga di pasar," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.


Kata beliau, selain kekurangan telur ayam, CAP juga mendapati ada peniaga yang menjual telur segar gred rendah sebagai telur gred premium.

"Kita dapat ada peniaga yang menjual telur Gred A dan B sebagai telur premium (gred AA) pada harga 66 sen sebiji, sedangkan harga telur Gred A ditetapkan pada 45 sen sebiji dan Gred B, 43 sen.

"Sehubungan itu, CAP menggesa Bahagian Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup menyiasat perkara ini kerana golongan berpendapatan sederhana akan terjejas teruk akibat kenaikan harga barang," tambahnya.

Sementara itu, di **SEREMBAN**, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDNKS) Negeri Sembilan memberi jaminan bekalan telur ayam di negeri ini mencukupi walaupun terdapat permintaan dan pembelian yang tinggi kebelakangan ini.

Pengarahnya, Muhammad Zahir Mazlan berkata, pihaknya mengambil maklum kenyataan pengguna media sosial berhubung kesukaran mendapatkan bekalan telur ayam di beberapa tempat di Negeri Sembilan.



Kerajaan dan kementerian berkaitan diminta tangani segera isu bekalan telur.